



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

24 - 26 JANUARI 2026 (SABTU - ISNIN)

Kerajaan Johor Bertindak Segera Tangani Pencemaran Anak Sungai di Tangkak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MDJ	Berita Terkini	Dalam Talian	23 Jan

 KENYATAAN MEDIA ADUAN PENCEMARAN ANAK SUNGAI DI FELDA SRI JAYA, BUKIT SERAMPANG, TANGKAK Pentadbiran ini memandang serius aduan melibatkan pencemaran anak sungai di Felda Sri Jaya, Bukit Serampang, Tangkak sebagaimana laporan media baru-baru ini dan telah mengarahkan tindakan segera diambil bagi menangani perkara tersebut. Pada 22 Januari 2026 (Khamis), pentadbiran ini telah turun ke tapak bersama jabatan dan agensi berkaitan. Susulan penyelarasan yang diadakan, tindakan berikut telah dan sedang dilaksanakan: Pemulihan dan Pembersihan - Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Tangkak telah melakukan pemeriksaan di ladang ternakan dan dimaklumkan mengenai kebocoran pada kolam kumbahan sebuah ladang khinzir di kawasan berkenaan. - Pihak PPVD Tangkak telah mengarahkan pembaikan serta merta dan kebocoran telah dihentikan dalam kadar segera. Pelepasan <i>Effective Microorganism</i> (EM) turut dilaksanakan bagi membantu penguraian sisa organik dan mengurangkan kesan bau. - Pihak PPVD Tangkak bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengarahkan kerja-kerja pembersihan di kawasan kebun yang terkesan dan perparitan sepanjang Sungai Penyalai bermula 23 hingga 31 Januari 2026. 1	Pemantauan Kualiti Air - Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan pemantauan kualiti air secara berterusan melalui Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik di Sungai Muar bagi memastikan bekalan air awam berada pada tahap selamat. - Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) melaksanakan ujian terhadap sampel air mentah bagi memastikan pematuan kepada Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. - Ranhill SAJ melaksanakan ujian kualiti air setiap 2-4 jam di Loji Air Bukit Serampang dan mengesahkan bekalan air bersih terawat selamat digunakan selaras dengan piawaian KKM. Siasatan dan Penguatkuasaan - Pentadbiran ini dimaklumkan berkenaan siasatan yang sedang dijalankan oleh jabatan dan agensi berkaitan selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Sebarang dapatan akan ditangani mengikut tatacara yang sewajarnya. Pentadbiran ini akan terus melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan keselamatan persekitaran dan kesejahteraan masyarakat setempat. Orang awam dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi dan sentiasa merujuk kepada kenyataan rasmi daripada pihak berkuasa. PEGAWAI DAERAH TANGKAK 22 Januari 2026 (Khamis) 2
--	--

Kenyataan media Pejabat Daerah Tangkak

#IskandarPuteri – Kerajaan Negeri bertindak segera susulan aduan pencemaran anak sungai di FELDA Sri Jaya, Bukit Serampang, Tangkak, dengan melakukan turun padang pada 22 Januari lalu, bagi melaksanakan pemulihan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap insiden berkenaan.

Tindakan proaktif tersebut melibatkan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Tangkak, Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd.

Bagi tujuan pemulihan dan pembersihan, PPVD Tangkak telah menjalankan pemeriksaan dan mengesan kebocoran kolam kumbahan sebuah ladang khinzir yang terletak berhampiran.

Pembaikan segera telah diarahkan dengan kebocoran berjaya dihentikan dan pelepasan *Effective Microorganism* (EM)

dilaksanakan bagi membantu penguraian sisa organik serta mengurangkan kesan bau. sentiasa terpelihara.-[MDJ](#)

PPVD Tangkak bersama JPS turut mengarahkan kerja-kerja pembersihan di kawasan kebun yang terkesan dan perparitan sepanjang Sungai Penyalai yang dilaksanakan bermula 23 hingga 31 Januari.

Manakala JAS pula melaksanakan pemantauan berterusan melalui Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik di Sungai Muar bagi memastikan keselamatan dan kualiti bekalan air awam sentiasa terjamin.

Dalam aspek keselamatan bekalan air, JAS, BAKAJ dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd turut menjalankan ujian kualiti air secara berterusan dan mengesahkan bekalan air terawat selamat digunakan.

Jabatan dan agensi berkaitan juga sedang menjalankan siasatan selaras peruntukan undang-undang serta peraturan berkuat kuasa, dengan sebarang dapatan akan ditangani mengikut tatacara yang ditetapkan.

Kerajaan Johor akan terus melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan keselamatan persekitaran dan kesejahteraan masyarakat setempat

LUAS Ambil Tindakan Susulan Air Hitam di Tanjung Sepat, Ladang Babi ditemui Tidak Beroperasi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Media Selangor	BM	Dalam Talian	23 Jan



SHAH ALAM, 23 JAN: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menjalankan siasatan selepas tular laporan mengenai air berwarna hitam di persisiran pantai Tanjung Sepat pada 21 Januari lalu, dipercayai berpunca daripada aktiviti penternakan babi di hulu aliran.

Agensi itu menerusi Facebook memaklumkan, hasil pemeriksaan mendapati ladang-ladang penternakan babi yang disyaki terlibat kini tidak lagi beroperasi.

"Walau bagaimanapun,

terdapat beberapa kolam takungan sisa yang dipercayai masih mengalir ke parit berhampiran, menghasilkan saki-baki aliran berwarna kehitaman yang mengalir ke persisiran pantai.

"Susulan penemuan itu, LUAS telah mengeluarkan Pemberitahuan Bertulis di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 kepada pihak-pihak berkenaan.

"Notis itu mewajibkan mereka menghentikan aliran sisa, melakukan pembersihan

kawasan, serta melaksanakan langkah kawalan dan pencegahan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang,"katanya.

Selain itu, LUAS telah melakukan pensampelan air di lokasi-lokasi terlibat dan menghantar sampel tersebut ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk dianalisis dari segi kualiti air.

Menurut LUAS, hasil analisis itu akan menjadi asas kepada tindakan penguatkuasaan lanjut di bawah Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999 bagi kesalahan mencemarkan sumber air.

LUAS juga berhubung dengan jabatan dan agensi berkaitan, termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (JPV), bagi merencanakan tindakan bersesuaian di bawah bidang kuasa masing-masing terhadap premis penternakan babi di kawasan berkenaan.-[MEDIASELANGOR](#)

Kebocoran di Ladang Babi di Tangkak Menyebabkan Pencemaran Sungai			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Merdeka	Nasional	Dalam Talian	23 Jan



Kebocoran di ladang babi di Kampung Teratai di sini dilaporkan telah menyebabkan pencemaran di anak sungai berdekatan di Felda Sri Jaya, Bukit Serampang.

Pejabat daerah Tangkak berkata pemeriksaan di ladang itu mendapati kebocoran di kolam kumbahannya.

Ia berkata pengusaha ladang itu diarahkan untuk menjalankan pembaikan segera dan kebocoran itu dihentikan.

“Pejabat Perkhidmatan Veterinar (VSO) Tangkak dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengarahkan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas dan di sepanjang sistem saliran Sungai Penyalai, yang akan dijalankan dari Jumaat (23 Jan) hingga 31 Jan.

“Mikroorganisma juga dilepaskan untuk membantu menguraikan sisa organik dan mengurangkan bau, dan terdapat tanda-tanda awal pemulihan,” kata pejabat daerah itu dalam satu

kenyataan pada hari Jumaat.

Pegawai daerah Tangkak, Ungku Suzana Ungku Mohammad, telah memeriksa tapak tersebut bersama pelbagai agensi termasuk VSO Tangkak, JPS, badan kawal selia air Johor (Bakaj) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada hari Khamis (22 Jan).

Mengenai keselamatan air, pejabat daerah itu berkata JPS sedang menjalankan pemantauan kualiti air secara berterusan melalui stesen pemantauan kualiti air sungai automatik di Sungai Muar bagi memastikan bekalan air awam kekal selamat.-[SUARAMERDEKA](#)

Veterinary Dept Dismisses Farm 'Superbug' Scare, Reassures Public On Food Safety

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Dalam Talian	23 Jan



The Department of Veterinary Services says Malaysia's AMR surveillance shows no evidence of unsafe meat or an uncontrolled public health threat. — Picture by Farhan Najib

KUALA LUMPUR, Jan 23 — Malaysia's Department of Veterinary Services (DVS) has pushed back against claims that local farms are fuelling a "superbug" threat, insisting that animal-based food products in the country remain safe and that recent reporting on antimicrobial resistance (AMR) was inaccurate.

In a statement today, the department addressed concerns raised in two articles published by

Malaysian media on January 3, noting that key data cited in the reports did not come from official surveillance.

"AMR surveillance findings reported by the department are derived from targeted national monitoring programmes designed to identify trends and must be interpreted within an appropriate epidemiological context.

"These findings do not

indicate compromised food safety or an uncontrolled public health risk,” it said.

DVS added that the antibiotic resistance figures for *E. coli* and *Salmonella* referenced in the reports, purportedly from 2024 livestock samples, “did not originate from the DVS”.

The department said AMR remains a complex issue shaped by factors including disease patterns, biosecurity practices and farm management — not merely antimicrobial use.

It also stressed that Malaysia has banned the use of critically important antimicrobials for growth promotion and prophylaxis in the animal health sector since 2012, describing this as a core safeguard in its regulatory framework.

Food safety, it said, is backed by mandatory slaughterhouse inspections and annual testing under the National Food Safety Monitoring Programme, with further oversight by the Health Ministry through the Food Act 1983 and Food Regulations 1985.

DVS said it continues to implement the Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR) under a One Health approach coordinated by the National

Antimicrobial Resistance Committee (NARC), involving agencies across human health, animal health, food safety and the environment.

Reaffirming its commitment to “transparent and science-based communication”, the department urged the public to rely on verified information from official channels.-[MALAYMAIL](#)

DVS Ulas Dakwaan 'Superbug' dalam Produk Berasaskan Haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Dalam Talian	23 Jan



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini menegaskan produk berasaskan haiwan di Malaysia selamat untuk dimakan, sekali gus menafikan beberapa perkara tidak tepat dalam laporan berkaitan “superbug” oleh sebuah akhbar pada 3 Jan.

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan kerintangan antimikrob (AMR) dalam haiwan ternakan merupakan isu yang diiktiraf dan dipantau dengan teliti serta disokong langkah kawalan veterinar yang telah lama

wujud termasuk pemeriksaan mandatori di rumah sembelih serta ujian tahunan di bawah Program Pemantauan Keselamatan Makanan bagi residu ubat veterinar.

Jabatan itu memaklumkan pemantauan keselamatan makanan diperkukuh oleh Kementerian Kesihatan menerusi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

DVS memaklumkan dapatan pemantauan AMR yang dilaporkan mereka diperolehi daripada program

pemantauan nasional yang trend dari semasa ke sdisasarkan bagi mengenal pasti emasa dan perlu ditafsirkan dalam konteks epidemiologi serta pemantauan yang sesuai.

“Penemuan ini tidak menunjukkan keselamatan makanan terjejas mahupun risiko kesihatan awam yang tidak terkawal.

“Selain itu, data penemuan (kadar kerintangan antibiotik *E. coli* dan *Salmonella* spp. yang diasingkan daripada ternakan pada 2024) yang dimasukkan dalam artikel tersebut bukan sumber daripada DVS,” menurut kenyataan itu.

DVS memaklumkan kerintangan antimikrob merupakan isu pelbagai faktor yang dipengaruhi oleh corak penyakit, tahap biosekuriti, amalan pengurusan ladang dan faktor persekitaran.

“Ia tidak seharusnya dikaitkan semata-mata dengan penggunaan antimikrob pada peringkat ladang.

“Sejak 2012, Malaysia telah melaksanakan dasar yang melarang penggunaan antimikrob sebagai penggalak pertumbuhan dan profilaksis sebagai sebahagian daripada usaha

kawalan AMR kebangsaan yang berterusan,” menurut kenyataan itu.

DVS juga akan terus melaksanakan Pelan Tindakan Mengenai Rintangan Antimikrob Malaysia (MyAP-AMR) yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Kerintangan Antimikrob Kebangsaan (NARC) melibatkan sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan, keselamatan makanan dan persekitaran.

Jabatan itu juga mengulangi komitmen terhadap komunikasi yang telus dan berasaskan sains serta menggesa orang ramai untuk bergantung kepada maklumat yang disahkan sumber rasmi.-[MALAYSIAKINI](#)

Animal-based Food Products in Malaysia Remain Safe, Says DVS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	News	Dalam Talian	24 Jan



The veterinary services department said antimicrobial resistance is a multifactorial issue and should not be attributed solely to farm-level antibiotic use.

PETALING JAYA: The veterinary services department (DVS) has assured the public that animal-based food products in Malaysia remain safe for consumption, saying antimicrobial resistance (AMR) in livestock is closely monitored.

The department was responding to The Star reports, which claimed that rising antibiotic resistance had been detected in livestock due to the improper use of antimicrobial drugs at

farms.

DVS said the reports contained inaccuracies and required clarification to prevent public misunderstanding of the issue.

“DVS wishes to clarify that while antimicrobial resistance in food-producing animals is a recognised and actively monitored issue, animal-based food products in Malaysia remain safe for consumption,” it said in a statement.

It said while AMR in food-producing animals was a recognised concern globally, Malaysia had long-standing safeguards, including mandatory veterinary inspection at slaughter houses and annual monitoring for drug residue under the national food safety monitoring programme.

“Food safety oversight is further strengthened through the health ministry under the Food Act 1983 and Food Regulations 1985,” it added.

DVS also said AMR surveillance findings should be interpreted in context, as they are derived from targeted national monitoring programmes designed to track trends over time rather than indicate immediate public health threats.

It said data on antibiotic resistance rates of E. coli and Salmonella cited in The Star’s reports did not come from DVS.

It also said AMR was a multifactorial issue influenced by disease dynamics, farm biosecurity, animal husbandry practices and environmental pathways, and should not be attributed solely to farm-level antibiotic use.

DVS said that since 2012, Malaysia had banned the use of antimicrobials classified as critically important for growth promotion and disease prevention in livestock.

It said efforts to address AMR continued under the Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance using a One Health approach involving the human health, animal health, food safety and environmental sectors.-

[FMT](#)

Public Health Malaysia Senaraikan Lima Lagi Penyakit Maut daripada Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Sihat	Dalam Talian	25 Jan



PENYAKIT bawaan babi ancam nyawa manusia.

DUA puluh enam tahun lalu, Malaysia digegarkan dengan serangan penyakit nipah yang mengorbankan 105 nyawa.

Ia berpunca daripada babi memakan sisa buah-buahan daripada kelawar yang membawa virus nipah, lalu menjangkiti manusia dan mengakibatkan kematian.

Memetik 'Public Health Malaysia', portal itu menyenaraikan lima lagi penyakit maut daripada babi yang sentiasa dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan

Veterinar dan Bahagian Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

1. Japanese Encephalitis (JE)

Cara jangkitan ialah nyamuk culex menggigit babi yang mempunyai virus sebelum menggigit manusia.

Peranan babi adalah sebagai 'amplifier host'. Virus JE membiak berjuta kali ganda dalam darah babi tanpa membunuh babi itu, menjadikan ia 'stor' virus

gergasi untuk disedut nyamuk.

Kesannya ialah radang otak, sawan dan kerosakan saraf kekal.

2. Streptococcus Suis

Ini paling menakutkan untuk tukang masak atau penyembelih babi.

Cara jangkitan bakteria ini ialah melalui luka kecil di kulit semasa memegang daging babi mentah atau memakan daging separuh masak.

Bakteria ini boleh menyebabkan radang selaput otak yang sangat pantas.

Komplikasi paling terkenal adalah pekak kekal dalam masa beberapa hari selepas jangkitan.

Malaysia ketika ini masih bebas daripada kuman terbabit.

3. Selesema babi (H1N1 dan H3N2)

Cara jangkitan: Udara (titisan nafas) daripada babi ke manusia.

Babi memiliki reseptor sel yang boleh dijangkiti selesema burung dan selesema manusia serentak.

Bila dua virus ini bertemu dalam paru-paru babi, ia membolehkan pertukaran semula genetik sebelum melahirkan virus pandemik baru.

4. Cacing pita dalam otak 'neurocysticercosis'

Jangkitan berlaku apabila seseorang memakan telur cacing pita (*taenia solium*) yang mencemari makanan atau air (akibat najis babi) atau memakan daging babi yang mempunyai larva apabila tidak dimasak sempurna. Larva cacing ini boleh merebak ke otak manusia, membentuk sista (kantung) dan menyebabkan sawan kronik (epilepsi).

Ia adalah punca utama sawan memabitkan golongan dewasa di negara membangun.

5. Hepatitis E

Cara jangkitan memabitkan individu berkaitan memakan hati babi atau sosej yang kurang masak dan menggunakan air yang tercemar dengan najis ladang.

Kesan penyakit ini menyebabkan kegagalan fungsi hati dan ia sangat berbahaya kepada ibu mengandung dengan kadar kematian boleh mencecah 20 hinggalah 25 peratus.

Haiwan ini sebahagian daripada ekosistem, tapi jika tidak diurus dengan biosekuriti tinggi, ia boleh diumpamakan seperti bom jangka kesihatan.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR